



SELAMAT HARI RAYA AI
daripada
Jabatan Penyelidikan & I

NCER
MALAYSIA

PENGAR
MALAYSIA
KHAMIS || 12.0
Free by Hilton, I

Research NEWS

2/2025

Jabatan Penyelidikan & Inovasi (JPI)
Universiti Teknologi MARA



Suasana Kerja Harmoni: Asas Kualiti dan Produktiviti di Tempat Kerja

28 May 2025 | MalayaNewsRoom

Pelaksanaan Mandatori Pengehad Kelajuan Kenderaan Berat Wajar Disokong

10 June 2025 | Berita RTM

Suasana kerja harmoni: Asas kualiti dan produktiviti di tempat kerja

Kolum - Dicipta: 28 Mei 2025 07:53 AM



Foto hasran/RTM

SAUDARA PENGARANG

Dalam era ekonomi digital dan persaingan global yang semakin sengit, sesebuah organisasi bukan sahaja memerlukan teknologi canggih atau strategi pemasaran yang hebat, tetapi juga suasana kerja yang harmoni untuk menjamin produktiviti dan mutu kerja yang tinggi. Ini bukan lagi sekadar elemen tambahan, malah ia telah menjadi satu keperluan strategik.

Mengapa Suasana Kerja Harmoni Penting?

Menurut kajian oleh TalentCorp Malaysia dan Khazanah Research Institute (2021), pekerja di Malaysia meletakkan persekitaran kerja yang positif dan menyokong sebagai salah satu faktor utama dalam menilai tahap kepuasan kerja mereka.

Kajian itu juga menunjukkan bahawa pekerja yang bekerja dalam suasana yang harmoni lebih cenderung untuk kekal lama dalam organisasi, menunjukkan prestasi lebih baik dan bersedia menyumbang idea bernas.

Harmoni di tempat kerja merujuk kepada keadaan di mana hubungan antara rakan sekerja, penyelia, dan organisasi secara keseluruhan berada dalam keadaan saling menghormati, saling mempercayai, dan bekerjasama. Ia juga merangkumi faktor emosi dan psikologi pekerja, seperti rasa dihargai, selamat dan bebas daripada diskriminasi atau buli di tempat kerja.

Hubungan dengan Produktiviti

Berdasarkan laporan tahunan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (2023), sektor pekerjaan di negara ini masih berdepan cabaran dari segi produktiviti buruh, khususnya dalam sektor awam dan pentadbiran.

Namun begitu, laporan tersebut turut menekankan bahawa organisasi yang memberi perhatian kepada kesejahteraan psikososial pekerja menunjukkan peningkatan produktiviti sebanyak 8-12% berbanding organisasi yang mengabaikannya.

Dalam sektor korporat pula, syarikat yang mengamalkan dasar keseimbangan kerja dan kehidupan (*work-life balance*) dan komunikasi terbuka dilaporkan mempunyai kadar turnover lebih rendah dan penghasilan kerja lebih konsisten.

Cabaran di Malaysia

Kajian oleh Malaysian Institute of Human Resource Management (MIHRM) pada tahun 2022 mendapati bahawa lebih 60% kes konflik pekerjaan yang dilaporkan berpunca daripada gaya kepimpinan toksik, komunikasi yang lemah dan kurangnya kejelasan peranan dalam organisasi.

Dalam konteks sektor awam, tekanan kerja yang tinggi, kekangan sumber manusia, serta amalan kerja berasaskan hierarki yang terlalu ketat turut menjadi penghalang kepada keharmonian kerja yang tulen. Lebih membimbangkan, keadaan ini boleh menjejaskan kesihatan mental pekerja dan membawa kepada fenomena *burnout*, yang akhirnya merugikan organisasi dari segi masa, kos dan imej.

Read more:

https://berita.rtm.gov.my/laporan-khas/kolum/senarai-berita-kolumnis/senarai-artikel/suasana-kerja-harmoni-asas-kualiti-dan-produktiviti-di-tempat-kerja?fbclid=IwY2xjawKvPJ5leHRuA2F1bQlXMQBicmlkETFNdDY0emNHdGRydjFqVnRrAR79IXfl1e_e3tSNziD9qxp_Z4MDeON8Fwe0_UzoBytJvVXCulhEFTgI0G8uGw_aem_bqb5X6Mq9doZqJwB7vXhyg

Pelaksanaan mandatori pengehad kelajuan kenderaan berat wajar disokong

Nasional - Dicipta: 10 Jun 2025 10:49 AM



Foto RTM

KUALA LUMPUR, 10 JUN - Pelaksanaan mandatori pengehad kelajuan pada kenderaan berat yang dirangka kerajaan wajar disokong sepenuhnya oleh semua pihak.

Ketua Lathan & Continuous Professional Development (CPD) MITRANS UITM, Ir. Ts. Dr. Ahmad Khushairy Makhtar berkata, pelaksanaan itu sebagai langkah memperkukuh dasar keselamatan jalan raya dan sepatutnya telah dilaksanakan lebih awal.

Tambahnya, semakin laju sebuah kenderaan, semakin tinggi risiko kemalangan dan impaknya lebih besar.

"Jadi langkah kerajaan untuk mewajibkan speed limiter ini saya dah dengar lama dah sebelum ini lagi. Cuma dari segi penguatkuasaan, apa yang lebih penting daripada mewajibkan itu adalah juga penguatkuasaan dan juga pemantauan kepada speed limiter yang diwajibkan kepada syarikat-syarikat pengendali bas dan sebagainya", katanya.

Namun, menurut beliau juga, penghad kelajuan sahaja tidak memadai.

Antara cadangan yang turut diketengahkan termasuk penggunaan teknologi pemantauan seperti kamera pemuka (*dash cam*) secara masa nyata.

"Kalau tanya saya, itu memang tidak cukup tapi untuk langkah segera yang selain daripada speed limiter ini, saya rasa perlu diwajibkan especially kepada kenderaan berat, bas ataupun lori ini adalah teknologi dash cam. Teknologi pemantauan kepada pemandu itu sendiri secara real time. Dan ini boleh juga mengelakkan daripada seseorang pemandu itu daripada melebihi had limit kerana dia tahu yang dia dipantau oleh majikan dia dan sebagainya."

Beliau turut menyeru kerajaan agar meningkatkan pelaburan dalam penyelidikan keselamatan jalan raya untuk semua pengguna dan bukan hanya pengendali bas sahaja.

Semalam, Menteri Pengangkutan, Anthony Loke dalam satu kenyataan berkata, kerajaan komited melindungi pengguna jalan raya, terutama daripada ancaman pemandu tidak bertanggungjawab serta kenderaan berat yang tidak memenuhi piawaian keselamatan yang ditetapkan.

Antara dasar yang sedang dirangka termasuklah pelaksanaan wajib 'Pengehad Kelajuan' bagi kenderaan berat.

Polisi ini sedang diteliti secara menyeluruh, termasuk menutup sebarang ruang manipulasi selepas ia dikuatkuasakan kelak.

Read more:

https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/pelaksanaan-mandatori-pengehad-kelajuan-kenderaan-berat-wajar-disokong?fbclid=IwY2xjawK4vstleHRuA2F1bQlXMQBicmlkETFYIzR3ajVBanFZUEtWbldKAR517FiiWzXmV0qWlpXpEAJb4LTCwtNKhAdaFWjgWOxMMWokY5P12OyDUe1CgNg_aem_Qjzmz75blii7qHkLodJ3T5A

20 25



Published by

Unit of Research Communication & Visibility

Department of Research & Innovation,
Level 5, Bangunan Canseleri Tuanku Syed Sirajuddin,
Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam. Selangor



اوسها تقوى مولى



JPI UiTM

#bevisible

Pemangkin Idea